

JAWATAN : PEGAWAI KEWANGAN GRED W41

Kumpulan	:	Pengurusan dan Profesional
Jadual Gaji	:	RM2,094.00 – RM9,585.00
Taraf Jawatan	:	Tetap

SYARAT LANTIKAN

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) i) Ijazah sarjana muda dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,094.00); atau
 - ii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,300.73); atau
 - iii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,819.63); atau
 - iv) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji permulaan: RM2,819.63); atau
 - v) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji permulaan: RM2,923.41); atau
 - vi) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia (Gaji permulaan: RM3,027.19); dan
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Kewangan Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
 - ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- b) had umur pelantikan:
- i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

- iii) Berumur dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 3) Calon yang mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berikut akan diberi keutamaan:
- **Pengauditan terutama audit forensik dan sistem**

RINGKASAN TUGAS

- Membantu Ketua Audit Dalam menyediakan Rancangan Audit Tahunan;
- Merancang, melaksanakan pengauditan dan menyediakan kertas kerja pemerhatian audit dan laporan untuk dikemukakan kepada Ketua Audit Dalam;
- Membantu Ketua Audit Dalam menyediakan laporan untuk dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Audit;
- Membantu Ketua Audit Dalam menyediakan kertas kerja sebagai persediaan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Mesyuarat Jawatankuasa Ketua-ketua Audit Dalam Universiti Awam (JKAD) dan lain-lain mesyuarat yang perlu dihadiri dari masa ke semasa;
- Membantu Ketua Audit Dalam menyediakan kertas kerja sebagai persediaan laporan suku tahun/tahunan/ atau mengikut keperluan ke Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Jawatankuasa Audit, Lembaga Pengarah Universiti dan Kementerian Pendidikan Malaysia dan lain-lain kementerian yang diarahkan;
- Membantu menyediakan maklumat yang diperlukan untuk sesi taklimat/pembentangan;
- Memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 melalui penggunaan Prosedur, Garis Panduan, Arahan Kerja, Template, Borang dan Dokumen yang berkaitan semasa menjalankan tugas di Bahagian Audit Dalam, Pejabat Naib Canselor; dan
- Menjalankan tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.